

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 18 DISEMBER 2007, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 31

MENGANGKAT SUMPAH

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1143-L3971
Dato' Haji Idris bin Haji Buang minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan berpuas hati melalui strategi yang telah diambil dengan melepaskan ringgit dari 'peg' yang terdahulu dan mengapungkannya tapi mengikatnya, dengan cara terurus, bersama 'a basket of selected currencies'.
2. PN-1143-L4351
Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan sejak pelancaran Malaysia Kitchen, berapakah jumlah yang telah dibuka di luar negara sehingga hari ini.
3. PN-1143-L3998
Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato' N.S Maniam minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan tentang keciciran yang tinggi di kalangan pelajar lelaki dan mengenai fenomena ganjil yang berlaku di negara ini iaitu jumlah wanita jauh mengatasi lelaki dalam mendapatkan pendidikan peringkat menengah serta tinggi. Apakah strategi Kementerian untuk mengatasi masalah ini.
4. PN-1143-L4280
Datuk Soon Tian Szu minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tragedi Feri Seagull Express 2 yang terbakar dan karam di perairan negara kira-kira 7 batu nautika dari Pulau Tioman 13 Oktober lalu telah mengorbankan tujuh nyawa yang mana 103 penumpang dan tiga krewnya terpaksa terjun ke dalam laut bagi menyelamatkan diri tanpa memakai jaket keselamatan yang mencukupi. Apakah tindakan Kementerian untuk memastikan setiap syarikat perkapalan mematuhi peraturan-peraturan supaya perkara yang sama tidak berulang.

5. PN-1143-L3720
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan Filipina telah menggugurkan sama sekali tuntutan mereka terhadap Sabah dan sama ada terdapat lagi kes-kes tuntutan oleh negara-negara jiran terhadap mana-mana kawasan di Malaysia ataupun perairan Malaysia yang masih lagi belum selesai ataupun boleh berlaku.
6. PN-1143-L4253
Dato' Omar bin Faudzar minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tujuan asal Kerajaan meminjam daripada Kerajaan negara China untuk pembinaan Jambatan Pulau Pinang yang kedua.
7. PN-1143-L3932
Dato' Yip Kum Fook minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-
 - (a) jumlah kapal terbang komersial yang menggunakan ruang udara negara di selatan Semenanjung untuk mendarat di lapangan terbang negara jiran setiap hari dari tahun 2005-2007 dan adakah ia mengganggu pembangunan di kawasan tersebut; dan
 - (b) bayaran yang dikenakan bagi menggunakan ruang udara negara dan jika tidak, mengapa.
8. PN-1143-L3746
Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kemudahan yang disediakan untuk petugas-petugas JAKIM yang mengajar di pos-pos Orang Asli di pedalaman seperti Pos Gob, Pos Simpor ataupun Pos Pasik, adakah kenderaan atau rumah yang sesuai disediakan untuk mereka.
9. PN-1143-L3920
Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapa banyakkah setakat ini komputer riba dan peralatan ICT lain yang telah hilang kerana dicuri dan apakah tindakan yang telah dikenakan kepada guru yang telah kehilangan komputer riba itu ketika komputer berkenaan berada dalam jagaan mereka ketika membuat persiapan pengajaran di luar sekolah.
10. PN-1143-L4403
Datuk Dr. Lee Chong Meng minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah Kementerian tidak bercadang untuk mengarahkan pusat perubatan swasta menurunkan caj yang dikenakan ke atas penyakit di mana dewasa ini caj yang dikenakan adalah terlalu tinggi kepada para pesakit.

11. PN-1143-L4086
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah benar kenyataan kelulusan pelan bangunan oleh pihak PBT hanya mengambil masa 142 hari, sedangkan dalam kes biasa pun kelulusan mengambil masa berbulan-bulan dan di manakah tahap kecemerlangan kakitangan Kerajaan ini yang kadang-kadang sengaja menyusahkan orang ramai.
12. PN-1143-L3977
Dato' Hajah Siti Rokiah binti Mohd Zabidin minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan walaupun negara menawarkan pendidikan teknik dan vokasional yang baik, tetapi umumnya rakyat, termasuk sesetengah majikan, masih menganggapnya sebagai "pendidikan kelas dua". Apakah perancangan dan langkah Kerajaan untuk membetulkan persepsi yang salah itu.
13. PN-1143-L4121
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan setakat ini, daripada 125 cadangan yang dikemukakan oleh Suruhanjaya Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sejak ianya dibentangkan pada tahun 2005, berapa banyakkah cadangan tersebut telah dilaksanakan dalam usaha Kerajaan memulih dan menjamin keyakinan rakyat terhadap kewibawaan PDRM.
14. PN-1143-L4188
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah tindakan susulan bagi mengimplementasikan Deklarasi Putrajaya yang telah diterima sebulat suara oleh 84 perwakilan semasa Mesyuarat Peringkat Menteri Penggerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) bagi memperkasakan kaum wanita dan mencapai kesaksamaan gender.
15. PN-1143-L4033
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan langkah-langkah yang harus diambil bagi meningkatkan pertumbuhan penembusan jalur lebar dari rumah khususnya bagi kawasan luar bandar yang agak ketinggalan daripada pembangunan ICT di negara ini.
16. PN-1143-L3888
Puan Mumtaz binti Md. Nawī minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah persiapan yang dibuat untuk mengatasi masalah banjir mengikut jabatan dan berapakah peruntukan untuk tahun 2007 dan 2008 mengikut negeri.

17. PN-1143-L4376
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan jumlah terkini remaja yang dilaporkan hilang dan / atau tidak dapat dikesan. Apakah langkah-langkah Kementerian bagi mengenal pasti sebab-sebab kejadian ini berlaku dan cara bagi mengatasinya.
18. PN-1143-L4100
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah kesan pemberian jarum dan dadah methadone kepada penagih dadah setakat ini dan berapakah kos yang terlibat sejak ianya dilancarkan.
19. PN-1143-L3796
Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah program 'Sutera Sari' dilaksanakan secara berterusan pada tahun-tahun akan datang.
20. PN-1143-L3706
Datuk Chew Vun Ming minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan masalah Ah Long masih lagi berleluasa, kita masih lagi dapat melihat kad-kad promosi pinjaman Ah Long secara terbuka tanpa kawalan. Keadaan ini amat membimbangkan dan ia akan menyebabkan orang ramai terjerumus dengan hutang Ah Long yang tidak munasabah. Apakah tindakan selanjutnya yang akan diambil oleh pihak Kerajaan di dalam mengawal keadaan ini dari terus berlaku.
21. PN-1143-L3819
Tuan Lee Chee Keong minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan pendirian Kementerian terhadap pelbagai yuran (setinggi RM38.00) yang dikenakan kepada ibu bapa menjelang tahun persekolahan baru akan datang.
22. PN-1143-L4036
Tuan Chiw Tiang Chai minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah bentuk-bentuk latihan keusahawanan yang disediakan untuk golongan wanita terutamanya ibu-ibu tunggal berjaya dalam bidang yang mereka ceburi dan apakah keberkesanan program-program pembangunan wanita ini dalam usaha Kerajaan untuk mengeluarkan mereka daripada lingkaran kemiskinan.
23. PN-1143-L4061
Tuan Khoo Soo Seang minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan majikan atau agennya mengawal pekerja-pekerja asing masing-masing agar tidak menimbulkan masalah kesihatan, keselamatan dan kacau-ganggu kepada warga negara kita.

24. PN-1143-L4080
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan berapakah bilangan orang-orang yang di tahan di bawah ISA dari tahun 2004 hingga kini dan berapa orang pula yang telah dihadapkan ke mahkamah.
25. PN-1143-L4171
Dato' Lee Sing Chooi minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kemajuan dan kejayaan setakat ini dalam pelaksanaan Pelan Integriti Nasional (PIN), adakah KPI diwujudkan dan apakah cabaran-cabaran utama untuk melaksanakan PIN tersebut dengan lebih cepat dan efektif.
26. PN-1143-L4373
Che Puan Sri Kelana D'raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan mengapa lebih 45,000 pekerja asing masih berpenyakit walaupun sudah memperoleh Sijil Kesihatan Fomema dari negara asal mereka.
27. PN-1143-L4322
Datin Paduka Datuk Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilakah Kerajaan akan mampu atau bercadang untuk mengadakan pendidikan pra sekolah di semua sekolah kebangsaan di seluruh negara.
28. PN-1143-L4207
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha untuk memantapkan bidang kuasa mahkamah jenayah syariah supaya setaraf dengan mahkamah sivil.
29. PN-1143-L3868
Tuan Chua Kim Chuan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan pelaburan langsung asing di Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI).
30. PN-1143-L3728
Dato' Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kerangka strategi pihak Kementerian dengan kerjasama Bank Negara dalam mempromosi Malaysia sebagai Pusat Kecemerlangan Pengajian Kewangan Islam dalam usaha kita mewujudkan suatu 'international brand' dalam pengajian kewangan Islam, supaya kita dapat menghasilkan suatu produk Malaysia yang berjenama antarabangsa.
31. PN-1143-L3866
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan bilakah Kerajaan berhasrat untuk memastikan setiap remaja 18 tahun ke atas mengikuti kursus PLKN bagi memupuk semangat perpaduan dan cintakan negara.

32. PN-1143-L4019
Tuan Maijol bin Mahap minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah kes suami dituduh merogol isteri sejak undang-undang rogol dalam Kanun Keseksaan dipinda dan dikuatkuasakan pada awal bulan September 2007.
33. PN-1143-L3951
Tuan Munusamy a/l Mareemuthu minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan dalam soal penguatkuasaan, bagaimanakah Kementerian memantau sesuatu operasi penguatkuasaan yang dijalankan oleh PBT-PBT supaya tidak menyinggung perasaan masyarakat tertentu, malah mungkin boleh menjejaskan perpaduan nasional yang terpelihara selama ini.
34. PN-1143-L3789
Puan GK Loga Chitra minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh PDRM untuk memantapkan kualiti siasatan dan penyelesaian kes melibatkan kanak-kanak.
35. PN-1143-L4227
Datuk Yaakob bin Haji Mohammad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan dan strategi yang akan diambil dalam jangka pendek dan panjang bagi mengatasi isu kelemahan tindakan penguatkuasaan undang-undang di sesetengah agensi-agensi Kerajaan yang diperuntukkan kuasa-kuasa tertentu tetapi pelaksanaan penguatkuasaannya agak tidak berkesan dan mendukacitakan serta nyatakan masalah-masalah utama mengenai isu ini.
36. PN-1143-L4398
Datuk Dr. Lee Chong Meng minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan status Projek Plaza Rakyat di Jalan Pudu yang telah terbengkalai melebihi 10 tahun dan apakah Kementerian mempunyai rancangan untuk membangunkan semula projek-projek komersial yang terbengkalai di Bandar Raya Kuala Lumpur
37. PN-1143-L4438
Datuk Armani binti Haji Mahiruddin minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan agar dapat menghentikan terus penyiaran drama dan telenovela yang diimport, sebaliknya mengarahkan semua stesen TV menyiarkan lebih banyak drama dan tele novela tempatan yang lebih berkualiti untuk membantu perkembangan dan kejayaan industri perfileman dan drama tempatan.
38. PN-1143-L3909
Puan Mumtaz binti Md. Naw minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan kenapakah hanya Kelab UMNO Luar Negara dibenarkan ditubuhkan untuk pelajar Malaysia di luar negara sedangkan kelab parti politik lain yang juga sah didaftarkan tidak dibenarkan.

39. PN-1143-L3735
Dato' Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah pihak Kementerian menggunakan program PROSPER untuk menyahut hasrat Kerajaan bagi menjadikan Malaysia sebagai Hab Halal Dunia pada 2010 dan selanjutnya apakah strategi pihak Kementerian untuk melibatkan para peniaga Bumiputera dalam bidang peruncitan produk halal ini.
40. PN-1143-L4264
Dato' Gooi Hoe Hin minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan tentang sambutan orang ramai terhadap Kempen Rukun Negara yang dilancarkan oleh Kementerian.
41. PN-1143-L4445
Datuk Armani binti Haji Mahiruddin minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan agar Kementerian mewajibkan semua sekolah menggerakkan Kelab Pertanian, Kelab Usahawan, Kelab Koperasi, Kelab ICT dan sebagainya bagi mewujudkan budaya usaha tani dan industri keusahawanan bioteknologi dan ICT di peringkat awal sebagai asas penerapan nilai-nilai kefahaman dan kesedaran.
42. PN-1143-L4255
Dato' Gooi Hoe Hin minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilangan rumah yang siap dibina tetapi masih tidak dapat dijual bagi tahun 2007 sehingga bulan September mengikut negeri-negeri.
43. PN-1143-L3968
Tuan Rawisandran a/l Narayanan minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
- (a) sejauh manakah sistem One Stop Centre (OSC) berjalan lancar setelah YAB. Perdana Menteri melancarkannya pada bulan April tahun ini dan apakah PBT mempunyai kakitangan yang mencukupi dan nyatakan jumlah pengambilan kakitangan mengikut kaum dan nyatakan jumlah kakitangan yang sedang berkhidmat di bahagian OSC; dan
 - (b) negeri-negeri manakah enggan melantik ahli-ahli di Majlis PBT-PBT mengikut penyertaan kaum dalam jawatan khas OSC.
44. PN-1143-L3902
Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mewajibkan setiap kilang mempunyai kaunselor mereka sendiri bagi membantu pekerja-pekerja kilang yang mempunyai masalah dan juga bagi menyediakan program-program pembangunan sumber manusia.

45. PN-1143-L4038
Tuan Maijol bin Mahap minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan bersedia menimbang permohonan kewarganegaraan seperti kes seorang warga Britain yang berumur 86 tahun menetap di Kg. Puyu, Sungai Lembing dekat Kuantan yang mana permohonannya pada tahun 1970an ditolak sedangkan beliau kini penduduk tetap negara ini dan menganggap Malaysia sebagai negaranya dan pernah mempertahankan negara ini daripada ancaman musuh dalam negeri pada tahun 1950an di Malaya.
46. PN-1143-L3747
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan jumlah bilangan syarikat di dalam negara ini yang terbabit dalam industri pertahanan dan berkemampuan menghasilkan peralatan pertahanan setakat ini, apakah peralatan yang dihasilkan oleh syarikat-syarikat tersebut.
47. PN-1143-L3859
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah drastik bagi meningkatkan kecekapan polis dalam melaksanakan kes pendakwaan di mahkamah supaya tidak goyah, gagal dan kurang bukti kes.
48. PN-1143-L4183
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan setakat manakah website 'menemu jodoh' berkesan dan ingin dikembangkan sebagai usaha untuk mewujudkan keluarga harmoni dan anak terbela. Apakah kemungkinan ia disalahgunakan dan langkah kawalan oleh pihak Kerajaan.
49. PN-1143-L4283
Datuk Soon Tian Szu minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan sejak kebelakangan ini, imej polis agak terjejas. Apakah cadangan Kementerian untuk mengembalikan keyakinan rakyat Malaysia terhadap pasukan polis.
50. PN-1143-L4170
Dato' Lee Sing Chooi minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kos purata pengeluaran minyak mentah petroleum Malaysia, bila dibandingkan dengan negara lain adakah kos itu efektif dan kompetitif, dan berapa peratus kontrak penjualan minyak dan gas Petronas yang mendapat harga yang lebih rendah, sama dan lebih tinggi berbanding dengan harga pasaran.
51. PN-1143-L4471
Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada prestasi Bursa Malaysia yang menunjukkan peningkatan yang baik kebelakangan ini mempunyai impak positif terhadap ekonomi negara atau ianya juga mempunyai impak negatif terhadap aspirasi Kerajaan memperbaiki ketidaksamaan dalam pengagihan kekayaan kerana penduduk luar bandar terkeluar dari padang mainan pasaran modal dan ekuiti.

52. PN-1143-L4413
Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah keluarga miskin terutama miskin tegar di kawasan luar bandar yang berjaya dikurangkan mengikut kategori dan negeri masing-masing.
53. PN-1143-L3988
Dato' Wong Siong Hwee minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil bagi memastikan keperluan tenaga pegawai dan kakitangan yang cukup di semua Jabatan Perhutanan seluruh negara.
54. PN-1143-L4031
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian bagi memartabatkan profesion perguruan serta memfokuskan tugas mereka kepada mengajar serta mendidik pelajar bagi memastikan sistem pelajaran di Malaysia tidak ketinggalan kerana guru merupakan pemangkin kepada kelahiran pelajar-pelajar yang intelek.
55. PN-1143-L4488
Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sama ada dalam jangkaannya FDI akan bertambah beralih ke Malaysia dari China memandangkan negara tersebut dirosakkan dengan imej yang tidak baik sebagai pengeluar beberapa barangan eksportnya termasuk yang dikeluarkan sebagai pengeluar kontrak (contract manufacturer) kebelakangan ini.
56. PN-1143-L4456
Ir. Hiang A Li minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kerajaan telah atau belum melaksanakan proses peningkatan keupayaan sistem pengangkutan awam di bandar-bandar besar di Malaysia, terutama sistem rel yang berupaya membangunkan dengan lebih pesat menerusi pengurusan trafik dan aliran keluar masuk rakyat dengan lebih berkesan.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | |
|-------------------|---|--------------------------|
| 1. (D.R. 43/2007) | Rang Undang-undang Perbekalan 2008 - Menyambung semula Perbincangan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang” . [17 Disember 2007] | |
| | (Menteri Kewangan) | |
| 2. (D.R. 47/2007) | Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2007
(Perdana Menteri) | Bacaan Kali Kedua |
| 3. (D.R. 44/2007) | Rang Undang-undang Kewangan 2007
(Menteri Kewangan) | “ |
| 4. (D.R. 39/2007) | Rang Undang-undang Pemberian Pertambahan Hasil (Pindaan) 2007
(Menteri Kewangan) | “ |
| 5. (D.R. 45/2007) | Rang Undang-undang Bank Pertanian Malaysia Berhad 2007
(Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani) | “ |
| 6. (D.R. 40/2007) | Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 2007
(Perdana Menteri) | “ |
| 7. (D.R. 41/2007) | Rang Undang-undang Pembangunan Mineral (Pindaan) 2007
(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar) | “ |
| 8. (D.R. 49/2007) | Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2007
(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar) | “ |

9. PN-1143-U4231

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar penggunaan istilah Bahasa Melayu dikekalkan dan tidak digantikan dengan istilah Bahasa Malaysia. Ini menepati dengan apa yang sudah termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan iaitu Bahasa Melayu adalah Bahasa Kebangsaan. Istilah Bahasa Melayu sudah lama digunakan, bahkan ia telah mengujudkan identiti dan perpaduan nasional di Malaysia".

(Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan)

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2007</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.193	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	17 Disember 2007
ST.196	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	17 Disember 2007
ST.231	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Darul Iman Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	17 Disember 2007
CMD.46	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia Bagi Tahun 2006	17 Disember 2007
ST.247	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	18 Disember 2007
ST.254	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan RRIM Consult Corporation Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	18 Disember 2007
ST.255	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan LGM Properties Corporation Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	18 Disember 2007